

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

29. Kadar jenayah di Pulau Pinang.
- (a) Sila nyatakan secara terperinci kadar dan bilangan jenayah serta jenis kes yang berlaku mengikut daerah dalam Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2016-2019.
  - (b) Sebutkan kaedah-kaedah pengawalan kadar jenayah yang telah dilakukan oleh pihak pihak yang berwajib.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. (a) Statistik jenayah mengikut kes dan daerah di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari-Disember tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan beberapa kaedah pengawalan kadar jenayah/*crime prevention* di Negeri Pulau Pinang seperti berikut;
- (i) **Kaedah *Conventional Policing***, iaitu pihak polis melakukan pencegahan jenayah dengan meningkatkan keupayaan dengan menambah bilangan kereta peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB). Dengan pertambahan kenderaan tersebut kehadiran polis di tempat-tempat *hot spot* dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dirasai selamat oleh masyarakat.

- (ii) **Kaedah *Community Policing***, iaitu menjalinkan kerjasama di dalam pendidikan pencegahan jenayah (*crime awareness*) bersama komuniti, badan bukan kerajaan (NGO) seperti Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF), pihak swasta dan agensi kerajaan di dalam pencegahan jenayah. Bersama komuniti, pihak polis telah menubuhkan persatuan-persatuan kepolisan komuniti (CP), mengadakan program pencegahan jenayah di sekolah iaitu melantik Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah rendah dan menengah serta IPTA/S. Pihak polis juga berkerjasama dengan rumah-rumah ibadat seperti masjid, kuil dan tokong dan lain-lain dengan membuat lawatan rumah ibadat serta mewujudkan kerjasama seperti program 1 Masjid 1 Polis (1M1P).
- (iii) **Kaedah *Target Hardening***, iaitu bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan swasta dengan memasang *Closed-circuit television* (CCTV), pemasangan lampu di tempat-tempat yang gelap, perumahan berpengawal dan lain-lain bagi tujuan mencegah jenayah dari berlaku.
- (iv) **Kaedah siasatan.** Siasatan berkualiti dan penangkapan ke atas penjenayah membolehkan pertuduhan di mahkamah seterusnya mendapat sabitan/hukuman. Dengan hukuman ianya boleh menjadikan pengajaran kepada penjenayah supaya tidak mengulangi kesalahan jenayah serta memberikan pengajaran kepada orang ramai.
- (v) **Undang-undang pencegahan jenayah**, pihak polis akan membuat penangkapan ke atas penjenayah yang merancang untuk melakukan keganasan, pengedaran dadah serta jenayah yang serius. Undang-undang seperti Langkah-Langkah Pencegahan (LLPK) bagi kes-kes dadah, *Security Offences Act* (SOSMA) dan lain-lain undang-undang pencegahan telah dapat mencegah jenayah lebih awal dari berlaku.

## Lampiran A

Statistik jenayah mengikut kes dan daerah di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari-Disember tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut :-

### STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT DAERAH TAHUN 2016 JABATAN SIASATAN JENAYAH PULAU PINANG

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	10	3	4	8	3	28
ROGOL	11	11	12	22	10	66
SAMUN B'KWN S/API	2	0	0	0	0	2
SAMUN B'KWN T/S/API	91	27	68	152	67	405
SAMUN SENJATAPI	0	0	1	0	0	1
SAMUN TANPA S/API	82	17	38	69	18	224
MENCEDERAKAN	111	31	44	87	39	312
<b>JUMLAH JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>307</b>	<b>89</b>	<b>167</b>	<b>338</b>	<b>137</b>	<b>1038</b>
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	358	108	168	310	66	1010
CURI MOTOKAR	115	39	70	190	32	446
CURI MOTOSIKAL	630	224	499	919	136	2408
CURI VAN/LORI/J'BERAT	12	7	25	58	8	110
PECAH RUMAH & CURI	210	55	198	337	118	918
<b>JUMLAH JENAYAH HARTABENDA</b>	<b>1325</b>	<b>433</b>	<b>960</b>	<b>1814</b>	<b>360</b>	<b>4892</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1632</b>	<b>522</b>	<b>1127</b>	<b>2152</b>	<b>497</b>	<b>5930</b>

**STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT DAERAH TAHUN 2017  
JABATAN SIASATAN JENAYAH PULAU PINANG**

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	6	0	2	7	3	18
ROGOL	13	11	14	35	7	80
SAMUN B'KWN S/API	0	0	0	0	0	0
SAMUN B'KWN T/S/API	140	35	64	172	74	485
SAMUN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	107	10	26	58	20	221
MENCEDERAKAN	104	33	53	50	34	274
<b>JUMLAH JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>370</b>	<b>89</b>	<b>159</b>	<b>322</b>	<b>138</b>	<b>1078</b>
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	271	74	139	286	81	851
CURI MOTOKAR	66	43	81	149	17	356
CURI MOTOSIKAL	629	225	544	817	107	2322
CURI VAN/LORI/J'BERAT	17	6	15	22	6	66
PECAH RUMAH & CURI	194	81	165	305	123	868
<b>JUMLAH JENAYAH HARTABENDA</b>	<b>1177</b>	<b>429</b>	<b>944</b>	<b>1579</b>	<b>334</b>	<b>4463</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1547</b>	<b>518</b>	<b>1103</b>	<b>1901</b>	<b>472</b>	<b>5541</b>

**STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT DAERAH TAHUN 2018  
JABATAN SIASATAN JENAYAH PULAU PINANG**

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	6	1	5	7	2	21
ROGOL	15	7	24	12	14	72
SAMUN B'KWN S/API	0	0	0	0	0	0
SAMUN B'KWN T/S/API	79	18	36	129	40	302
SAMUN SENJATAPI	0	0	1	0	0	1
SAMUN TANPA S/API	106	6	27	38	23	200
MENCEDERAKAN	78	32	57	82	46	295
<b>JUMLAH JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>284</b>	<b>64</b>	<b>150</b>	<b>268</b>	<b>125</b>	<b>891</b>
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	284	105	125	256	79	849
CURI MOTOKAR	92	53	58	140	7	350
CURI MOTOSIKAL	485	189	488	754	70	1986
CURI VAN/LORI/J'BERAT	25	7	15	20	9	76
PECAH RUMAH & CURI	194	70	160	306	126	856
<b>JUMLAH JENAYAH HARTABENDA</b>	<b>1080</b>	<b>424</b>	<b>846</b>	<b>1476</b>	<b>291</b>	<b>4117</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1364</b>	<b>488</b>	<b>996</b>	<b>1744</b>	<b>416</b>	<b>5008</b>

**STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT DAERAH TAHUN 2019  
JABATAN SIASATAN JENAYAH PULAU PINANG**

KATEGORI JENAYAH	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN						
BUNUH	6	2	4	5	0	17
ROGOL	20	5	6	32	17	80
SAMUN B'KWN S/API	2	0	0	0	0	2
SAMUN B'KWN T/S/API	85	24	48	199	44	400
SAMUN SENJATAPI	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	67	13	29	98	10	217
MENCEDERAKAN	130	30	42	88	49	339
<b>JUMLAH JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>310</b>	<b>74</b>	<b>129</b>	<b>422</b>	<b>120</b>	<b>1055</b>
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	311	126	139	363	94	1033
CURI MOTOKAR	73	30	47	146	18	314
CURI MOTOSIKAL	438	198	411	589	68	1704
CURI VAN/LORI/J'BERAT	21	4	15	25	9	74
PECAH RUMAH & CURI	203	76	201	406	151	1037
<b>JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA</b>	<b>1046</b>	<b>434</b>	<b>813</b>	<b>1529</b>	<b>340</b>	<b>4162</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1356</b>	<b>508</b>	<b>942</b>	<b>1951</b>	<b>460</b>	<b>5217</b>